

Masti saran wujudkan penyelararas keamanan di setiap agensi

SEREMBAN 26 Ogos - Majlis Persatuan Pentadbir Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (Masti) menyarankan satu jawatan penyelararas keamanan di setiap agensi kerajaan dan swasta diwujudkan bagi menyelararas usaha kempen dan bantuan berhubung isu Palestin dan kemanusiaan lain di seluruh dunia.

Presidennya, Mohd. Salehudin Sukor berkata, buat masa ini, pihaknya akan menggerakkan inisiatif itu dengan meletakkan seorang penyelararas keamanan dalam kalangan pentadbir institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara.

Bagi tujuan tersebut katanya, pihaknya akan melantik penyelararas keamanan dalam tempoh terdekat selepas Masti mengadakan mesyuarat pada 22 September ini di Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.

"Jawatan penyelararas keamanan ini boleh jadi seseorang individu atau satu pasukan di IPTA.

"Kita berharap melaluinya nanti,

kita boleh latih mereka bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain seperti Aman Palestin serta agensi-agensi kerajaan agar mereka bertindak dengan lebih efektif," katanya di sini baru-baru ini.

Yang hadir sama Pengarah Pusat Kebudayaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Ismail Ahmed.

Menurut Mohd. Salehudin, cadangan tersebut hadir rentetan krisis kemanusiaan yang melanda Palestin ekoran tindakan kejam rejim Zionis yang melancarkan serangan ke atas Gaza sehingga mengakibatkan lebih 2,000 orang terkorban.

"Sebagai warga ilmu, kami menyarankan agar segala usaha menegakkan keamanan diteruskan dengan lebih komited di setiap peringkat di negara ini.

"Oleh itu, tindakan kempen kesedaran, memboikot produk yang menyumbang kepada rejim Zionis serta saluran bantuan kewangan dan sebagainya harus dilakukan

dengan lebih konsisten," gesanya yang juga Presiden Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas USIM.

Tambah beliau, antara peranan serius yang boleh dimainkan oleh penyelararas keamanan ini nanti adalah membantu penduduk Palestin membangunkan semula sekolah dan universiti yang musnah akibat bedilan peluru rejim Zionis, selain bantuan kemanusiaan dari segi perubatan dan barangan asas.

"Kita berharap dengan adanya penyelararas keamanan ini, kutipan dana dan kempen kesedaran lebih berkesan, selain mewujudkan kerjasama dengan NGO-NGO lain," ujarnya.

MOHD. Salehudin Sukor (dua dari kanan) bersama-sama ahli jawatankuasa dari Universiti Sains Islam Malaysia selepas mengadakan sidang akhbar mengutuk serangan rejim Zionis di Palestin di Seremban, baru-baru ini.

